

PELAN INSURANS BERKAITAN PELABURAN

WEALTH CREATOR

Hadiah untuk yang tersayang



Ahli PIDM

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



Adakah anda bersedia ke arah kesejahteraan dan keselamatan kewangan?

Anda tidak perlu bimbang dengan Wealth Creator, pelan insurans berkaitan pelaburan dengan bayaran premium berkala yang menyediakan pilihan tempoh pembayaran premium dan tempoh perlindungan yang fleksibel, yang memudahkan anda merancang masa depan kewangan anda. Pelan ini juga menyediakan perlindungan sehingga 500% daripada jumlah asas diinsuranskan yang akan melindungi orang tersayang jika sebarang kejadian tidak dijangka berlaku kepada anda.

Bukan itu sahaja, Wealth Creator juga menyediakan pelbagai pilihan dana berkaitan-pelaburan untuk kepelbagaian kewangan anda. Kami membenarkan anda menyesuaikan pilihan dana sesuai dengan selera risiko anda untuk memberi pulangan maksimum dan mencapai kekayaan jangka panjang.



Ringkasan Manfaat

- 1** Pilihan Tempoh Pembayaran Premium yang Fleksibel
- 2** Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD)
- 3** Manfaat Kematian atau TPD Akibat Kemalangan
- 4** Manfaat Penyakit Terminal
- 5** Manfaat Matang
- 6** Bonus Kesetiaan
- 7** Peningkatan Kesetiaan
- 8** Jaminan Pembaharuan

Manfaat dan Ciri-ciri Wealth Creator

Pilihan Tempoh Pembayaran Premium yang Fleksibel

Beberapa pilihan tempoh premium iaitu 5, 10, 15, 20 tahun atau sehingga akhir tempoh perlindungan, untuk disesuaikan dengan perancangan kewangan anda

Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD)¹

Sekiranya berlaku Kematian atau TPD (sebelum umur 70 tahun), nilai yang lebih tinggi antara berikut akan dibayar:

- Jumlah Asas Diinsuranskan ditolak pengeluaran²; atau
- Nilai Akaun (jika ada)

Manfaat Kematian atau TPD³ Akibat Kemalangan

Sekiranya Kematian atau TPD akibat kemalangan berlaku sebelum umur 70 tahun, manfaat Kematian atau TPD yang berikut akan dibayar sebagai tambahan:

Manfaat ⁴		% Jumlah Asas Diinsuranskan
Kematian atau TPD Akibat Kemalangan		100%
Kematian Akibat Kemalangan semasa Menaiki Pengangkutan Awam	Darat	200%
	Air atau Udara	300%
	pada Cuti Umum	400%

Manfaat Penyakit Terminal

Jika anda didiagnosis dengan penyakit terminal, 100% manfaat kematian akan dibayar

¹ Bayaran maksimum manfaat TPD adalah tertakluk kepada RM 4 juta setiap hayat.
² Sebarang pengeluaran yang dilakukan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kematian orang yang diinsuranskan, mengalami TPD atau didiagnosis dengan Penyakit Terminal.
³ Bayaran maksimum manfaat tambahan Kematian atau TPD Akibat Kemalangan adalah tertakluk kepada RM3 juta setiap hayat.
⁴ Sekiranya Kematian atau TPD Orang yang Diinsuranskan akibat kemalangan berlaku sebelum umur 70 tahun, dan terdapat lebih daripada satu tuntutan yang dibuat, hanya manfaat yang tertinggi di dalam jadual di atas akan dibayar.

Manfaat dan Ciri-ciri Wealth Creator

Manfaat Matang

Apabila polisi anda matang, anda akan menerima bayaran sekali gus yang bersamaan dengan Nilai Akaun (jika ada)

Bonus Kesetiaan

Setiap 2 ulang tahun polisi, bermula dari ulang tahun polisi ke-6 dan seterusnya, tambahan 0.5% daripada nilai akaun bulanan purata dalam 2 tahun sebelum tarikh pembayaran bonus akan dibayar ke dalam nilai akaun anda

Peningkatan Kesetiaan

Pada ulang tahun polisi yang ke-20, tambahan 20% daripada nilai akaun bulanan purata dalam 10 tahun, akan dibayar ke dalam nilai akaun anda. Jumlah yang akan dibayar adalah maksimum 20% daripada jumlah asas diinsuranskan.

Jaminan Pembaharuan

Polisi anda dijamin akan diperbaharui tanpa pengunderaitan mengikut pilihan⁵ anda sehingga umur 100 tahun

⁵ Anda akan diberitahu tentang pilihan pembaharuan sekurang-kurangnya 90 hari sebelum umur luput pelan ini. Sila rujuk kepada Soalan Kerap Ditanya untuk Contoh Pilihan Pembaharuan Premium.

Bagaimana Ia Berfungsi?



Jackson

Umur 30

Lelaki

Tidak merokok

Jackson membeli Wealth Creator.

- Tempoh Pembayaran Premium: **30 tahun**
- Tempoh Perlindungan: **30 tahun**
- Premium Bulanan: **RM300**
- Jumlah Premium Dibayar untuk 30 tahun: **RM108,000**
- Jumlah Asas Diinsuranskan: **RM500,000**
- 100% Asia Pacific Growth Fund

Jackson menikmati
perlindungan yang tinggi
sepanjang tempoh perlindungan

ATAU

Jika beliau **bertahan** sehingga
akhir tempoh perlindungan,
beliau akan menerima

Kematian, TPD atau Penyakit Terminal

RM500,000

atau

Kematian atau TPD akibat Kemalangan

RM1,000,000

atau

Kematian Akibat Kemalangan semasa
Menaiki Pengangkutan Awam

Sehingga RM2,500,000

Nilai Akaun

RM112,745

Termasuk manfaat-manfaat berikut:

	Senario X	Senario Y
Jumlah Bonus Kesetiaan	RM2,642	RM3,609
Peningkatan Kesetiaan	RM7,022	RM8,632

Nota:

- Premium yang dicadangkan di atas adalah berdasarkan kesihatan standard dan premium sebenar mungkin berbeza. Sekiranya pemilik polisi memilih pilihan pembaharuan, maka premium berkala akan diteruskan sehingga Tempoh Pembaharuan.
- Manfaat yang diunjurkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak digambarkan mengikut sebarang skala.
- Nilai Akaun diunjurkan dengan mengandaikan premium dibayar sehingga kini dan tiada pengeluaran separa dibuat; dan berdasarkan pulangan pelaburan kasar sebanyak 5% setahun untuk senario tinggi (Senario Y). Unjuran Nilai Akaun berdasarkan pulangan pelaburan kasar sebanyak 2% setahun bagi senario rendah (Senario X) bersamaan dengan RM67,319. Ia tidak dijamin atau berdasarkan prestasi masa lalu.
- Sila ambil perhatian bahawa contoh di atas hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sila rujuk Ilustrasi Jualan dan Lampiran Penerangan Produk untuk maklumat lanjut.

Soalan Kerap Ditanya

1. Bagaimanakah cara membuat tuntutan?

Hubungi kami di 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121 dari hari Isnin hingga Jumaat antara 8:45 pagi hingga 5:00 petang (kecuali cuti umum). Kami akan berusaha untuk menjadikan proses semudah mungkin untuk anda.

2. Siapakah yang boleh diinsuranskan di bawah Wealth Creator?

Pilihan Tempoh Perlindungan	Umur Kemasukan	
	Minimum	Maksimum
20 tahun	40 tahun	70 tahun
30 tahun	15 hari	70 tahun
Sehingga umur 80 tahun	15 hari	60 tahun

Walaubagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada pengunderaitan.

3. Berapa lamakah saya perlu membayar premium?

Premium boleh dibayar untuk 5 tahun, 10 tahun, 15 tahun, 20 tahun atau sehingga akhir tempoh perlindungan. Anda boleh membayar premium secara bulanan, suku tahun, separuh tahun atau tahunan. Pelan asas atau rider anda mungkin mempunyai pilihan pembaharuan. Sila rujuk kepada contoh di bawah mengenai pilihan pembaharuan dan anggaran premium.

Contoh Pilihan Pembaharuan Premium:

Seorang lelaki tidak merokok berumur 40 tahun membeli Wealth Creator dengan jumlah diinsuranskan RM500,000, membayar premium selama 20 tahun dan memilih 100% Select Dividend Fund. Tempoh Permulaan pelan adalah 30 tahun yang dijamin akan diperbaharui tanpa bukti insurabiliti sehingga akhir Tempoh Pembaharuan 100 tahun. Ilustrasi di bawah menunjukkan anggaran premium tahunan jika dia memilih pembaharuan (rujuk Alternatif 1 dan Alternatif 2).

Anggaran Amaun Premium		Pelan Semasa – Tanpa Pembaharuan (Perlindungan sehingga akhir Tempoh Permulaan)		Alternatif 1 – Dengan Pembaharuan (Premium Tidak Tetap)		Alternatif 2 – Dengan Pembaharuan (Premium Tetap)	
		Premium Asas (RM)	Tambah Nilai Berkala / Sekaligus (jika ada) (RM)	Premium Asas (RM)	Tambah Nilai Berkala / Sekaligus (jika ada) (RM)	Premium Asas (RM)	Tambah Nilai Berkala / Sekaligus (jika ada) (RM)
Tahun Polisi	1 - 20	3,600	-	3,600	-	3,600	2,200
	21 - 30	-	-	-	-	-	-
	31	N/A	N/A	-	222,000	-	-
	32 - 60	N/A	N/A	-	-	-	-
Jumlah Premium Dibayar (Premium Asas + Tambah Nilai Berkala/ Sekaligus)		72,000	-	72,000	222,000	72,000	44,000
		Jumlah premium untuk perlindungan 30 tahun = 72,000		Jumlah premium untuk perlindungan 60 tahun = 294,000		Jumlah premium untuk perlindungan 60 tahun = 116,000	

Soalan Kerap Ditanya

Anggaran amaun premium adalah tidak dijamin dan dikira berdasarkan unjuran kelangsungan dan anggaran pulangan masa hadapan. Premium sebenar yang diperlukan untuk kekal sehingga akhir Tempoh Permulaan atau Tempoh Pembaharuan mungkin berbeza daripada unjuran premium di atas dan bergantung kepada beberapa faktor seperti lampiran rider, prestasi dana, nilai akaun, sumbangan premium dan caj polisi. Anda boleh merujuk kepada Ilustrasi Jualan dan Lembaran Pendedahan Produk untuk maklumat lanjut.

4. Bagaimanakah saya boleh mengikuti prestasi dana?

Harga-harga unit disiarkan setiap hari di laman web rasmi kami di www.general.com.my.

5. Apakah yuran⁶ yang dikenakan?

Caj Perkhidmatan	RM6 sebulan untuk pelan asas.
Caj Insurans	Caj insurans ditolak setiap bulan daripada nilai unit-unit anda untuk membayar perlindungan insurans anda. Caj insurans berbeza menurut umur tercapai, jantina, pekerjaan, kadar perubatan dan status merokok. Caj insurans akan bertambah apabila usia semakin meningkat.
Penukaran Dana	Tiada caj bagi penukaran dana.
Pengeluaran Separa	Caj pengeluaran separa dikenakan jika terdapat sebarang pengeluaran dalam tempoh 2 tahun pertama mengikut kadar seperti jadual di bawah.

Tahun Polisi	Caj Pengeluaran Separa
1	20% daripada jumlah pengeluaran
2	10% daripada jumlah pengeluaran

Caj pengeluaran separa akan ditolak daripada jumlah pengeluaran dan hanya jumlah bersih akan dibayar kepada anda. Jumlah minimum untuk pengeluaran adalah RM1,000 dan baki akaun mestilah sekurang-kurangnya RM1,000.

Caj Penyerahan	Caj Penyerahan dikenakan jika polisi diserahkan dalam tempoh 2 tahun pertama mengikut kadar seperti jadual di bawah.
Tahun Polisi	Caj Penyerahan
1	20% daripada Nilai Akaun
2	10% daripada Nilai Akaun

Caj penyerahan akan ditolak daripada Nilai Akaun dan hanya jumlah bersih akan dibayar kepada anda.

⁶ Kadar caj insurans bagi pelan asas, rider penolakan unit dan lain-lain fi adalah tidak terjamin dan mungkin berubah dari semasa ke semasa. Kami akan memaklumkan anda secara bertulis tidak kurang daripada 90 hari atau tempoh yang lebih singkat sebagaimana dipersetujui oleh pengawal selia tentang sebarang perubahan fi atau pengenalan fi baharu.

Soalan Kerap Ditanya

Caj Pengurusan Dana

Nama Dana	Caj Pengurusan Dana	Caj Lain
Select Bond Fund	1.00% setahun	-
Dana Income Plus ⁷	1.00% setahun	-
Active Bond Fund	1.00% setahun	-
Dana Imbang ⁷	1.25% setahun	-
Active Balanced Fund	1.25% setahun	-
Select Balanced Fund	1.50% setahun	-
Select Income Fund	1.50% setahun	-
Select Dividend Fund	1.50% setahun	-
Asia Pacific Growth Fund	1.50% setahun	-
Select Opportunity Fund	1.50% setahun	-
Global Equity Fund	-	1.80% setahun ⁸
Dana Islamic Asia Pacific Dynamic Equity ⁷	-	1.80% setahun ⁸

6. Apakah pilihan manfaat yang boleh ditambah dalam produk ini?

Anda boleh menambah baik perlindungan polisi dengan manfaat tambahan berikut. Meskipun caj insurans lebih diperlukan untuk manfaat tambahan itu, ketenangan minda yang dinikmati adalah tidak ternilai.

CI Waiver of Premium Benefit ⁹	Rider penolakan unit yang mengecualikan premium berkala tahunan (kecuali sebarang tambah nilai premium berkala dan tambah nilai premium sekaligus) sekiranya Orang yang Diinsuranskan didiagnosis menderita penyakit kritikal sehingga akhir tempoh premium Pelan Asas, atau umur 70 tahun Orang yang Diinsuranskan, yang mana lebih awal.
Life & CI Payor Benefit ⁹	Rider penolakan unit yang mengkreditkan amaun yang bersamaan dengan premium berkala tahunan (kecuali sebarang tambah nilai premium berkala dan tambah nilai premium sekaligus) ke dalam dana pelaburan sehingga Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 23 tahun atau Pemilik mencapai umur 70 atau tempoh premium pelan asas berakhir, yang mana lebih awal, sekiranya Pemilik meninggal dunia atau didiagnosis menderita penyakit kritikal.
Additional CI Protect	Rider pengurangan unit yang menyediakan perlindungan terhadap 36 penyakit kritikal yang dilindungi. Sekiranya Orang yang Diinsuranskan didiagnosis menderita penyakit kritikal, jumlah sekali gus akan dibayar. Jumlah ini tidak akan mengurangkan Jumlah Asas Diinsuranskan.

⁷ Dana ini melabur dalam pelaburan patuh Syariah, walaubagaimanapun, pelan berkaitan-pelaburan ini sendiri bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip Syariah.

⁸ Caj ini dikenakan ke atas Dana Pendasar oleh Pengurus Dana Pendasar.

⁹ Rider ini hanya boleh dilampirkan kepada Polisi Asas dengan pilihan tempoh pembayaran premium 5,10, 15 dan 20 tahun. Walau bagaimanapun, tempoh pembayaran premium terhad 20 tahun tidak terpakai untuk tempoh perlindungan 20 tahun.

Nota Penting

Kami percaya bahawa adalah penting untuk anda meneliti dan memahami sepenuhnya kesemua manfaat dan caj di bawah pelan anda.

1. Pelan insurans ini diunderait oleh Generali Life Insurance Malaysia Berhad 200601003992 (723739-W) ("Kami"), syarikat berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
2. Wealth Creator ialah pelan insurans berkaitan-pelaburan dengan bayaran premium berkala dengan pilihan tempoh perlindungan dua puluh (20) tahun, tiga puluh (30) tahun atau sehingga Orang yang Diinsuranskan berumur lapan puluh (80) tahun, yang menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan.
3. Ini adalah produk insurans yang terikat dengan prestasi aset-aset pendasar dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.
4. Manfaat polisi akan berubah berdasarkan prestasi dana pilihan anda. Risiko pelaburan di bawah pelan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh anda.
5. Anda seharusnya mendapatkan dan mengkaji ilustrasi jualan untuk pelan ini, dengan memberi perhatian khusus kepada manfaat yang tidak dijamin.
6. Anda hendaklah berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang mampu anda bayar.
7. Membeli polisi hayat premium berkala memerlukan komitmen jangka panjang dan anda tidak digalakkan memegang polisi untuk tempoh yang singkat memandangkan kos permulaannya adalah tinggi. Jika anda menyerahkan polisi ini sebelum ia matang, anda mungkin memperolehi jumlah yang lebih kurang daripada jumlah yang telah dibayar.
8. Anda diberi tempoh tangguh tiga puluh satu (31) hari selepas tarikh akhir bagi membuat bayaran premium anda. Jika anda tidak membayar premium anda selepas tempoh tangguh ini dan Nilai Akaun (jika ada) anda akan ditolak bagi mana-mana caj insurans dan caj perkhidmatan polisi. Jika Nilai Akaun tidak mencukupi untuk potongan, maka polisi anda akan luput.
9. Jika anda tidak berpuas hati dengan polisi ini, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memulangkan polisi dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh polisi diterima. Kami akan memulangkan premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada tarikh penilaian akan datang dan apa-apa caj insurans dan caj perkhidmatan yang telah ditolak selepas menolak mana-mana perbelanjaan perubatan yang ditanggung.
10. Sekiranya anda tidak membayar premium, pelepasan premium akan digunakan untuk polisi asas dan rider penolakan unit anda di mana hanya caj berkaitan yang dikenakan akan ditolak daripada Nilai Akaun. Pelepasan premium akan berterusan selagi Nilai Akaun dalam polisi anda adalah mencukupi untuk membayar caj yang berkaitan dan anda harus mempertimbangkan tentang kemungkinan polisi anda luput apabila caj yang dikenakan melebihi Nilai Akaun.
11. Polisi ini dijamin akan terus berkuat kuasa dalam tempoh lima (5) tahun polisi pertama dengan syarat kesemua premium telah dibayar, tiada pengeluaran dibuat daripada Nilai Akaun polisi, tiada penambahan Jumlah Asas Diinsuranskan atau penambahan tambahan dan tiada pengurangan premium selepas tarikh polisi dikeluarkan.
12. Pelan insurans ini tidak melindungi:
 - a. Bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh polisi dikeluarkan atau sebarang tarikh pengembalian semula polisi ini, yang mana terkemudian.

Nota Penting

- b. TPD disebabkan oleh:
 - i. apa-apa kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman;
 - ii. berkhidmat dalam angkatan bersenjata pada masa perang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa berada di bawah perintah untuk operasi seperti perang atau membuat penangkapan sebagai pegawai undang-undang;
 - iii. apa-apa kecederaan, penyakit, sakit atau hilang upaya yang sedia ada atau berulang yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan sebelum Tarikh Polisi Dikeluarkan atau mana-mana tarikh pengembalian semula Polisi ini, mengikut yang mana terkemudian;
 - iv. terlibat dalam aktiviti berbahaya seperti bertinju, bermain ski, bergusti, terjun junam, mendaki gunung, menakik turun, berakit di sungai, meredah jeram, apa jua bentuk perlumbaan selain berjalan kaki, atau apa-apa pertandingan menguji kelajuan atau ketahanan;
 - v. terlibat dalam sebarang aktiviti udara melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang menggunakan perkhidmatan udara awam yang berlesen;
 - vi. cubaan atau perbuatan serangan atau tindakan yang menyalahi undang-undang oleh Orang yang Diinsuranskan; atau
 - vii. semasa berada di bawah pengaruh alkohol, sebarang narkotik, dadah atau penyalahgunaan bahan.
- c. Penyakit terminal disebabkan oleh:
 - i. bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh polisi dikeluarkan; atau
 - ii. penyakit sedia ada.
- d. Kematian atau TPD akibat kemalangan disebabkan oleh:
 - i. apa-apa kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman;
 - ii. apa jua penyakit atau jangkitan (melainkan jangkitan bakteria yang berlaku berkaitan dengan atau disebabkan oleh kecederaan anggota badan akibat kemalangan);
 - iii. mengambil racun, ubat yang tidak dipreskripsikan oleh Pengamal Perubatan, alkohol, sedatif, atau menyedut gas (melainkan bahaya berkaitan dengan pekerjaan);
 - iv. cubaan atau perbuatan serangan atau tindakan yang menyalahi undang-undang oleh Orang yang Diinsuranskan;
 - v. berkhidmat dalam angkatan bersenjata pada masa perang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa berada di bawah perintah untuk operasi seperti perang atau membuat penangkapan sebagai pegawai undang-undang;
 - vi. terlibat dalam sebarang aktiviti udara melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang menggunakan perkhidmatan udara awam yang berlesen;
 - vii. kehamilan, melahirkan anak, keguguran atau apa-apa akibatnya;
 - viii. kecacatan atau lemah fizikal atau mental yang sedia ada;
 - ix. apa-apa tindakan disebabkan oleh rusuhan, mogok dan kekecohan awam;
 - x. apa-apa kecederaan atau hilang upaya yang sedia ada atau berulang yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan sebelum tarikh polisi dikeluarkan atau mana-mana tarikh pengembalian semula polisi ini, mengikut yang mana terkemudian; atau
 - xi. terlibat dalam aktiviti berbahaya seperti bertinju, bermain ski, bergusti, terjun junam, mendaki gunung, menakik turun, berakit di sungai, meredah jeram, apa jua bentuk perlumbaan selain berjalan kaki, atau apa-apa pertandingan menguji kelajuan atau ketahanan.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian serta terma-terma dan syarat-syarat di bawah plan ini.

- 13. Risalah ini hanya mengandungi maklumat umum mengenai produk dan tidak mewakili polisi dalam apa jua cara sekalipun. Untuk penerangan terperinci tentang terma-terma dan syarat-syarat dan pengecualian produk ini, sila rujuk kepada lampiran penerangan produk, ilustrasi jualan dan polisi rasmi yang dikeluarkan oleh Kami.
- 14. Untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anda, sila beritahu kami dengan segera jika terdapat sebarang perubahan atau penambahan kepada maklumat peribadi dan/atau maklumat pekerjaan anda, termasuk perubahan/penambahan tanpa had ke atas kewarganegaraan atau tempat tinggal.

Kami mempunyai pelbagai jenis pelan insurans
untuk memenuhi keperluan kewangan anda pada
setiap peringkat kehidupan yang berbeza:

PERLINDUNGAN

PERUBATAN

SIMPANAN

INSURANS BERKAITAN PELABURAN

Wealth Creator 032026

Generali Life Insurance Malaysia Berhad

200601003992 (723739-W)

Generali Customer Service Centre
Level 1, Menara Generali, 27, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia



www.generali.com.my



1 300 13 2121 or +603 3007 2121



customer.service.life@generali.com.my

